



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
**MINGGU EPIDEMIOLOGI 01 (31 DISEMBER 2023 – 06 JANUARI 2024)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-01 tahun 2024, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 3,181 kes berbanding 2,715 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-01 tahun 2024.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-01 adalah sebanyak 3,181 kes berbanding 2,219 kes bagi tempoh sama tahun 2023. Manakala tiada kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding satu (1) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023.

Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-01 adalah sebanyak 130 lokaliti berbanding 131 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 130 lokaliti yang dilaporkan, 100 lokaliti di Negeri Selangor, 14 lokaliti di WPKL & Putrajaya, tujuh (7) lokaliti di Negeri Perak, empat(4) lokaliti di Negeri Sembilan, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang dan Sabah serta satu (1) lokaliti di Negeri Kedah.


Bagi surveilan chikungunya, terdapat satu (1) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-01. Tiada wabak Chikungunya dilaporkan. Manakala bagi

survelan zika, sebanyak 18 sampel darah telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Nyamuk *Aedes* dapat bertelur di tempat takungan air jernih di dalam dan di persekitaran rumah. Antara tempat pembiakan yang jarang diperhatikan adalah tempat meletakkan kenderaan terutamanya yang terlindung di bawah bangunan, kawasan belakang rumah dan barang-barang lusuh yang dibiarkan di luar rumah. Bersihkan dan simpan bekas yang boleh menakung air dengan cermat jika masih digunakan. Pastikan bekas tersebut diberus dan dikeringkan terlebih dahulu sebelum disimpan. Lupuskan barang lusuh dan bekas berpotensi menakung air yang tidak digunakan di tempat pelupusan yang ditentukan. Bubuh bahan pembunuh jentik-jentik dalam kolam, kolam hiasan serta dalam bekas/ struktur kekal yang menakung air. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**


Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**13 Januari 2024**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-01 tahun 2024 & ke-52 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-01 tahun 2024 dan tempoh sama tahun 2023



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2024 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-01), 2023 dan median 2019-2023**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-01 tahun 2024**